

## Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

YB. Dato' Seri/ YBhg.Dato'/ Tuan/ Puan,

Berikut adalah petikan daripada keputusan hukuman tatatertib yang telah diputuskan oleh **Jawatankuasa Tatatertib (JKTT) Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat Bagi Kumpulan Sokongan pada 13 Disember 2021**.

2. Pihak YB. Dato' Seri/ YBhg.Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum bahawa hebahan ini penting bertujuan memberi peringatan kepada semua Petugas FELDA, **kepentingan memperkukuhkan integriti daripada melakukan jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib** di masa akan datang. Keputusan seperti di bawah:

| PERKARA                                     | KEPUTUSAN 1   | KEPUTUSAN 2   | KEPUTUSAN 3  | KEPUTUSAN 4  |
|---|---|---|--|--|
| <b>Bidang Kuasa Jawatankuasa Tatatertib</b> | Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Sokongan)  | Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Sokongan)  | Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Sokongan)   | Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Sokongan)   |
| <b>Gred/Kumpulan Perjawatan</b>             | G29   | H11   | G19  | G19  |
| <b>Kesalahan</b>                            | Petugas didapati telah gagal mematuhi peraturan dan tatacara pengurusan kewangan yang telah ditetapkan sewaktu menerima wang bayaran sewa rumah kakitangan dan wang bayaran sewa Dewan Serbaguna FELDA berjumlah RM3,986.00. Petugas didapati telah <b>gagal untuk mencetak resit rasmi SKB di rancangan sebagai bukti penerimaan tunai</b> yang telah dibuat dan gagal untuk mengemas kini KAW dan sistem SKB untuk merekodkan kutipan hasil sewaan rumah kakitangan dan dewan. Petugas juga didapati telah menggunakan sebahagian wang daripada wang tersebut untuk <b>membeli dua (2) unit</b> | Petugas didapati tanpa bidang kuasa selayaknya telah mengarahkan kerani di Pejabat Rancangan FELDA untuk mencetak sekeping surat 'Memohon Tanah Hitam (Efluen)' bertarikh 31 Mac 2021 untuk ditujukan kepada Pengurus Kilang Sawit tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran dan tandatangan dari ketua jabatannya. Petugas didapati berbuat demikian dengan niat untuk mendapatkan faedah tanah hitam (efluen) percuma untuk dirinya, petugas lain dan beberapa peneroka. Surat berkenaan telah dipalsukan tandatangan oleh individu yang menguruskan pengambilan tanah hitam (efluen) dari Kilang | Petugas didapati telah <b>tidak hadir bertugas</b> tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah selama <b>34 hari</b> dan <b>gagal melapor kehadiran dan lewat merakam</b> waktu masuk pejabat selama <b>7 hari</b> bermula Jun 2021 hingga Ogos 2021 | Petugas didapati telah <b>tidak hadir bertugas</b> tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah selama <b>12hari</b> bermula April 2021 hingga Ogos 2021. |

| PERKARA   | KEPUTUSAN 1   | KEPUTUSAN 2  | KEPUTUSAN 3  | KEPUTUSAN 4  |
|---|---|--|--|--|
|   | <b>kerusi dan satu (1) unit monitor LED berjumlah RM3,480.00 tanpa melalui proses perolehan yang dibenarkan di FELDA.</b> | Sawit yang didapati meniru tandatangan bekas Pengurus Rancangan FELDA yang telah bersara pada 14 Mac 2021. |  |  |
| <b>Peraturan</b>  | Peraturan 40(e), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).                          | Peraturan 40 (a), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).          | Peraturan 40(g), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605). | Peraturan 40(g), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605). |
| <b>Hukuman</b>  | <b>Turun Tiga (3) Pergerakan Gaji Selama 36 Bulan</b>   | <b>Amaran</b>  | <b>Buang Kerja</b>   | <b>Buang Kerja</b>   |
| <b>Tempoh Tidak Layak Dipertimbangkan Kenaikan Pangkat (Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2009)</b> | <b>36 Bulan</b>   | <b>12 Bulan</b>  | -  | -  |

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

t.t

**(MOHAMAD FAUZI BIN HUSIN)TPj**

Pengarah Jabatan Integriti

FELDA